

Headline	Johan dilantik Pengarah Urusan, CEO TH		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	197,202
Page No	51	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	94 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,449
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,346



Johan dilantik Pengarah Urusan, CEO TH

KUALA LUMPUR - Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom mengumumkan perantikan Datuk Johan Abdullah (**gambar**) sebagai Pengarah Urusan Kumpulan Dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Lembaga Tabung Haji (TH) berkuat kuasa 1 Julai 2016.



TH dalam satu kenyataan berkata, perantikan itu adalah sebagai menggantikan Tan Sri Ismee Ismail yang telah menamatkan perkhidmatannya pada 30 Jun lalu setelah berkhidmat lebih 10 tahun bersama institusi tersebut.

"Beliau berkelulusan Sar-

jana Pengurusan Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Morehead State, Kentucky, Amerika Syarikat (AS) dan pemegang Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Eastern Michigan, AS.

"Sebelum menyertai TH sebagai Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH pada 15 Januari 2015, beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIMB Holdings Bhd. sejak Mei 2008," kata kenyataan tersebut di sini semalam.